



Universiti Malaysia
KELANTAN

BULETIN

TERANG

ISSN 1985 - 5451

www.umk.edu.my

BIL. 23 - APRIL - JUN 2014



UMK BERI IMPAK BESAR KEPADA

EKONOMI KELANTAN

....YB. Dato' Seri Mustapa bin Mohamed

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2013



Sidang Editorial

Pengurusan UMK

Naib Canselor
Y.BHG. PROF. DATUK DR. RADUAN HJ. CHE ROSE

Timbalan Naib Canselor
Y.BHG. PROF. DR. ROSELINA AHMAD SAUFI
(Akademik dan Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor
Y.BHG. PROF. ABDUL AZIZ AB.LATIF
(Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Timbalan Naib Canselor
Y.BHG. PROF. DR. MUHAMAD KAMAL HJ. HARUN
(Penyelidikan dan Inovasi)

Pendaftar
Y.BHG. PROF. DR. RAZLI CHE RAZAK

Pengarah UMK Kampus Jeli
Y.BHG. PROF. DR. IBRAHIM CHE OMAR

Penasihat Undang-Undang
Y.BHG. PROF. DATUK ABDUL HALIM SIDEK

Ketua Pustakawan
EN. AZMAN HASHIM

Bendahari
EN. MOHD YUSRI AWANG

Editorial

Ketua Editor
PROF. MADYA DR. MOKHTARRUDIN AHMAD

Editor
ROS DALILAH ABD GHANI
TUAN ZULKIPELI TUAN YEH
NORMALA OTHMAN

Wartawan
SYARIMIE WOSLEY

Fotografi
MOHD ALAZAM MAT RAZI

Pereka
FATINAH ILIAS

Editor Bersekutu

Dekan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan
PROF. MADYA DR. MOHD ROSLI MOHAMAD

Dekan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
PROF. DR. ABU HASSAN HASBULLAH

Dekan Fakulti Industri Asas Tani
PROF. DR. ABD. HAMID MAR IMAN

Dekan Fakulti Sains Bumi
PROF. DR. RAZAK WAHAB

Dekan Fakulti Perubatan Veterinar
PROF. DR. MOHD. AZAM KHAN GORIMAN KHAN

Dekan Malaysian Graduate School Of Entrepreneurship And Business
PROF. DR. SAZALI ABD. WAHAB

Pengarah Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah
PROF. DR. FAROK ZAKARIA

Dekan Pusat Pengajian Siswazah
PROF. DR. IBRAHIM BUSU


Dekan Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
PROF. DR. NIK MAHERAN NIK MUHAMMAD

Diterbitkan Oleh

Pusat Hal Ehwal Korporat
Pejabat Canselor
Universiti Malaysia Kelantan
Kampus Kota, Karung Berkunci 36,
Pengkalan Chepa, 16100 Kota Bharu,
Kelantan, MALAYSIA

E-mel: korporat@umk.edu.my
Tel: 09-771 7000
Faks: 09-771 7022

www.umk.edu.my
corporate.umk.edu.my



Kandungan

BERITA SEMASA

PSSA 2014
PLATFORM
PENYATUAN TOKOH
(ILMUAN & PENGGIAT
SENI)

08



BERITA SEMASA
ITEX UMK RANGKUL 4 EMAS
3 PERAK & 2 GANGSA

04

BERITA SEMASA
UMK UTAMAKAN
KUALITI & STANDARD
PENDIDIKAN
ANTARABANGSA
(MQA)

05



BERITA SEMASA
ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG
(UMK BERI IMPAK BESAR KEPADA
EKONOMI KELANTAN)

06

BERITA SEMASA
ENTREPRENEURIAL
RESOURCE CENTRE
(ERC) JADI RUJUKAN
USAHAWAN

10

BERITA SEMASA
PENERBITAN HASIL
PENYELIDIKAN
& INOVASI UMK
DIBERI NAFAS
BAHARU

11

BERITA SEMASA
HARI KELUARGA UMK
(Keluarga Ceria, UMK
Berjaya)

12

BERITA SEMASA
PEMBANGUNAN
PESAT UMK CAPAI
SASARAN 2016

13

BERITA SEMASA
PROSPEK UMK
TINGKATKAN
PENDIDIKAN
KEUSAHAWANAN
KEPADA MASYARAKAT

14



**ZOOM
LENSA**

16

FKP
PROGRAM BUSINESS
PLAN COMPETITION
(Peluang Siswa
Berniaga)

20



FTKW
UMK PERINTIS
INDUSTRI
TEKNOLOGI KREATIF
GLOBAL

21



BERITA SEMASA
PROGRAM CROSS BORDER MALAYSIA - THAI

18

FSB
KELAB
ECO-FRIENDLY
ANJUR KUTIPAN
DANA PULIH
REFFLESIA

22

FIAT
LAWATAN FIAT KE INDUSTRI
KONGSI PENGALAMAN

23

FPV
FPV TERIMA
ANUGERAH KHAS
KUALITI NAIB
CANSELOR

24

BERITA SEMASA
CAMPUS DRAMA
(ENGLISH NIGHT)

25

BERITA SEMASA
ENTREPRENEUR LUNCH
TALK
(Bongkar Kejayaan
Usahawan Tempatan)

26



BERITA SEMASA
INTERNATIONAL WEEK
(PLATFORM PROMOSI
PELAJAR
ANTARABANGSA)

27

BERITA SEMASA
MAGIC
Lahir Usahawan
KREATIF & INOVATIF

28

BERITA SEMASA
UMK Membangunkan Sistem
Pembelajaran E-Learning

BERITA SEMASA
'FINISHING SCHOOL: SHINE YOUR
CAREER 2014'
BANTU SISWA UMK

30

BERITA SEMASA
X-CHANGE BIZ
TALK SHOW
(MEDAN WACANA
NIAGA)

29



BERITA SEMASA
EMPOWER ECER
ANJUR KEM
KECEMERLANGAN
PELAJAR

31



ITEX UMK RANGKUL 4 EMAS 3 PERAK & 2 GANGSA

UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) memenangi empat pingat emas, tiga perak dan dua gangsa pada pameran International Invention, Innovation and Technology Exhibition, yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), Kuala Lumpur, pada 8 hingga 10 Mei 2014.

Lebih membanggakan, UMK menerima dua anugerah khas ITEX 2014 iaitu Award of Excellence (INPEX, USA) menerusi produk HM Anti Coagulant Agent, hasil penyelidikan pensyarah Fakulti Industri Asas Tani (FIAT), En. Zulhisyam bin Abdul Kari@Abdullah.

Selain tu, UMK turut merangkul emas dan mendapat anugerah khas Malaysia Innovative Product Malaysia 2014 menerusi projek kajian bertajuk Corm Nursery Technique For Mass Propagation of Banana Seedlings, oleh Pensyarah FIAT, Dr. Suhaimi bin Othman@Osman).

Pingat emas turut dimenangi oleh penyelidik daripada FIAT iaitu Puan Nik Nur Azwanida bin Yaacob dengan projek kajiannya, Anti Oxi Night Blooming Lips yang mengetengahkan kaedah menghasilkan barangan kosmetik berasaskan ekstrak daripada buah naga untuk kegunaan dalam bidang kosmetik.

Turut menyumbang emas ialah Pensyarah Fakulti Sains Bumi (FSB), En. Mazlan bin Mohamed dengan hasil penyelidikannya bertajuk Thermal Interface Material (TIM) Made Of Nano-Silver Composite Material With Silicon Elas Stomer.

Manakala, pingat perak pula menerusi projek penyelidikan untuk membangunkan Mobile Apps for Heritage Content (MAHC) oleh Pensyarah Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), En. Ahamad Tarmizi Bin Azizan.

Selain itu, dua pingat perak lain disumbangkan oleh Dekan Fakulti Sains Bumi (FSB), Y.Bhg. Prof. Dr. Razak bin Abd. Wahad menerusi kajian penyelidikan bertajuk Compressed Bio Composite Boards from Agriculture Water of Oil Palm Trunks dan Dr. Suhaimi bin Othman dengan projek kajiannya bertajuk Nupsys Nursery Propagation System For Mass Production of Quality Planting Materials.

Manakala bagi pingat gangsa telah dimenangi oleh Pereka FTKW, En. Muhammad Najibul Muthiie bin Che Yaacob dengan projek kajian bertajuk Portable Car Rain Shelter dan Pensyarah FSB, Dr. Mahani binti Yusoff, menerusi projek kajian Bio Food Waste Product.





Beliau berkata demikian ketika menerima Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh oleh Panel Penilai Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), di Bilik Mesyuarat Eksekutif, UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, Kelantan, pada 19 Mei 2014.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Roselina binti Ahmad Saufi dan Pengarah Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi, UMK, Prof. Madya Dr. Mohd Rosli bin Mohamad.

Dalam pada itu, Prof. Datuk. Dr. Raduan mengalu-alukan lawatan delegasi MQA kerana ini adalah satu penghormatan kepada UMK sebagai sebuah universiti baharu yang berkembang pesat dalam aspek pendidikan dan pembelajaran di negara ini.

“Oleh itu, warga universiti terutamanya fakulti yang berkenaan perlu memberi kerjasama sebaiknya kepada delegasi panel penilai MQA,” jelas beliau.

Sementara itu, Prof. Madya Dr. Mohd Rosli, berkata, lawatan MQA ini bertujuan untuk memastikan program yang ditawarkan oleh UMK menepati keperluan standard Akreditasi Penuh dengan menilai maklumat program bagi mendapat perakuan dan pengesahan.

Beliau memaklumkan, proses penilaian tersebut telah diadakan selama empat hari bermula pada 19 Mei hingga 22 Mei 2014, untuk membuat semakan dan penilaian bagi akreditasi penuh enam program pengajian pra-siswazah yang ditawarkan oleh UMK.

“Lawatan itu bertujuan untuk mendapatkan pengesahan dan perakuan yang dikeluarkan oleh MQA membolehkan program-program yang ditawarkan oleh universiti didaftarkan dalam Daftar Kelayakan Malaysia (MQR), iaitu sebuah daftar yang menyenaraikan kesemua kelayakan pengajian tinggi yang diakreditasi oleh MQA.

UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) berusaha melaksanakan pendekatan yang berkesan dalam menyediakan program pembelajaran dan pengajian akademik mengikut piawaian serta standard yang ditetapkan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose berkata, setiap program yang ditawarkan oleh universiti bukan sahaja berlandaskan kepada pencapaian akademik tetapi juga perlu seimbang daripada aspek pembentukan sahsiah diri pelajar dan keperluan pasaran.

Beliau berkata, setiap program itu perlulah sentiasa melebihi piawaian atau *'beyond standard'* dan proses yang dilalui itu hendaklah selari dengan polisi serta banyak melibatkan input daripada pihak industri, ko-kurikulum, proses pengajaran dan pembelajaran.

“Oleh demikian, setiap program akademik yang dibangunkan oleh universiti juga perlu mendapat Akreditasi Penuh oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), dengan melalui proses penilaian dan pengesahan berlandaskan kriteria- kriteria serta kualiti kelayakan tertentu,” kata beliau.

UMK UTAMAKAN KUALITI & STANDARD PEDIDIKAN ANTARABANGSA MQA





UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) memberi kesan yang amat besar terutamanya dalam menjana dan merencanakan pertumbuhan ekonomi di negeri ini terutamanya pembangunan pesat yang berlaku sekitar kawasan ketigatiga kampus universiti itu.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB. Dato' Seri Mustapa bin Mohamed, berkata kejayaan UMK telah memberi impak besar kepada pembangunan fizikal dan ekonomi selepas tujuh tahun penubuhannya dalam sektor pendidikan di negara ini.

Beliau berkata, pencapaian UMK amat membanggakan dan telah melakar pelbagai kejayaan serta sudah dikenali serta menjadi sebutan ramai terutamanya kepada tokoh-tokoh usahawan, korporat, industri dan sebagainya.

UMK BERI IMPAK KEPADA EKONOMI



“Dalam tempoh tujuh tahun beroperasinya UMK sejak 1 Julai 2007, universiti ini telah berjaya tampil sebagai sebuah universiti keusahawanan yang berkembang dengan baik selepas 22 tahun rakyat negeri ini menunggu sebuah universiti awam ditubuhkan di negeri ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan perasmian Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang UMK 2013, di UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, Kelantan, pada 22 Jun 2014.

Turut hadir Ahli Lembaga Pengarah UMK, YBhg. Dato’ Dr. Halim bin Mamat, Ahli Senat UMK, YBhg. Tan Sri Mohd Nadzmi bin Mohd Salleh dan Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Roselina binti Ahmad Saufi, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), YBhg. Prof. Abd. Aziz bin Ab. Latif dan Pendaftar UMK, YBhg. Prof. Dr. Razli bin Che Razak.

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang UMK 2013 itu menyaksikan seramai 68 orang staf cemerlang UMK menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), manakala seramai 23 menerima Anugerah Gemilang Universiti (AGU), sembilan orang menerima Anugerah Jasa Bakti (AJB) dan dua penerima Anugerah Khas Naib Canselor. Turut diumumkan ialah Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) yang dimenangi oleh Fakulti Perubatan Veterinar (FPV).



PAK BESAR

ONOMI KELANTAN



Menurut Dato’ Sri Mustapa, dalam tempoh genap tujuh tahun beroperasi banyak perubahan besar dan pembangunan pesat telah berlaku di kampus universiti ini yang terletak di Jeli, Bachok, Pengkalan Chepa dengan pencapaian yang hebat dan di luar jangkaan.

Beliau turut berharap UMK memainkan peranan lebih besar untuk menjadikan universiti ini sebagai sebuah universiti ternama dengan usaha berterusan menerbitkan artikel dan jurnal penyelidikan yang berkualiti.

“Kayu pengukur kecemerlangan sesebuah universiti itu turut dinilai dengan kebolehpasaran graduan yang dapat bersaing dengan graduan daripada universiti-universiti lain sama ada di dalam negara dan di peringkat antarabangsa,” jelas beliau selaku Menteri Mentor UMK.

“UMK seharusnya unggul dalam menerajui pembangunan pendidikan yang mantap di negeri ini dan dapat meningkatkan tahap ekonomi dan kehidupan seluruh rakyatnya.

Dalam pada itu, Dato’ Sri Mustapa bangga dengan kejayaan dan kecemerlangan staf UMK yang menerima anugerah di atas usaha serta komited dalam melaksanakan tugas dan amanah yang diberikan sehingga menghasilkan kejayaan.

“Penganugerahan ini bukan sahaja sebagai dorongan kepada staf yang telah menunjukkan komitmen dan dedikasi dalam melaksanakan dan telah menghasilkan prestasi kerja cemerlang semata-mata tetapi boleh dilihat dalam skop yang lebih luas iaitu kearah membudayakan kerja cemerlang,” jelas beliau khususnya di universiti ini.



PSSA 2014 Platform Penyatuan Tokoh ILMUWAN & PENGGIAT SENI

FAKULTI Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan dengan kerjasama Arkib Negara Malaysia dan Multimedia Development Corporation mengambil inisiatif menganjurkan PSSA 2014 atau 1st International Conference On Cyberology Art (ICCA2014) bermula pada 24 hingga 26 Jun 2014 bertempat di UMK Kampus Bachok, Kelantan.

Ketua Pengarah Arkib Negara, YBhg. En. Azemi bin Abd. Aziz berkata, persidangan ini bertujuan untuk menyebarkan ilmu-ilmu berkaitan teknologi siber dan seni kreatif dengan lebih meluas untuk memberi manfaat kepada masyarakat di Malaysia dan peringkat antarabangsa.

Beliau berkata, inisiatif Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menganjurkan PSSA 2014 ini lebih bermakna dengan adanya kerjasama dan sokongan padu, termasuk pihak badan bukan kerajaan (NGO), agensi kerajaan dan pihak industri dalam menyokong pembangunan idea-idea kreatif dan industri siberlogi tempatan.

“Secara tidak langsung kejayaan penganjuran PSSA ini telah berjaya menempa nama UMK selaku penggerak utama dalam membangunkan industri kreatif secara bersepadu dan terancang melalui satu dasar dan hala tuju yang lebih teratur,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian PSSA 2014 bertemakan Penjanaan Ilmu Pengetahuan dan Teknologi Kreatif menerusi Seni Komik dan Animasi, di Laman Monsun, UMK Kampus Bachok, pada 24 Jun 2014.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor UMK (Akademik dan Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Roselina binti Ahmad Saufi, Pengarah EPP3 Data Centre Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd. (MDEC), YBhg. Ir. Wan Murdani bin Mohamad, Dekan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), YBhg. Prof. Dr. Abu Hassan bin Hasbullah dan Pengurus Prestariang System Sdn. Bhd., YBrs. Pn. Nafisa K. Mohd Khuni.

Menurut En. Azemi, beliau berharap pada persidangan PSSA ini juga berupaya mendekatkan masyarakat dengan bidang teknologi dan seni selain menyatukan tokoh ilmuwan dan penggiat seni menerusi satu platform.

Tambah beliau, penyertaan masyarakat pada PSSA 2014 yang julung-julung diadakan ini amat menggalakkan serta membuka satu era baharu dan perkembangan positif terhadap masa depan industri tersebut.

“Seperti kita maklum, peranan generasi awal dalam industri kreatif dan teknologi merupakan salah satu resipi utama untuk memastikan kejayaan dan perubahan ekonomi masa depan terutamanya dalam usaha membangunkan produk dan perkhidmatan yang lebih berdaya saing di peringkat antarabangsa.

“Pengembangan dan pemikiran idea dalam industri komik dan animasi perlu diselaraskan untuk masa depan kerana ia mempunyai potensi besar untuk menjana pengetahuan baharu yang menyumbang ke arah satu industri kreatif ini,” jelas beliau.

Sementara itu, Prof. Dr. Roselina berkata, UMK menyedari bahawa perkembangan industri kreatif semakin memberangsakan terutamanya dalam aspek produksi, pendedaran dan juga kepenggunaan.

Beliau berkata, industri kreatif amat mempengaruhi perkembangan ekonomi dan sektor perkhidmatan, perfileman, kandungan digital dan multimedia, seni persembahan, muzik, seni visual dan kraf serta pemasaran dan penjualan dan pendedaran.

“Justeru itu, UMK berusaha memartabatkan industri kreatif ini dalam menjadi agenda utama dalam pembangunan modal insan yang selaras dengan visi Dasar Industri Kreatif Negara.

“Ini sekaligus memantapkan lagi pertumbuhan tujuh sektor industri kreatif negara di samping mengangkat industri komik dan animasi negara ke tahap yang lebih membanggakan,” ujar beliau.

Program julung kali di adakan ini telah mendapat penyertaan menggalakkan daripada seramai 300 orang pakar terdiri dari ahli akademik IPTA Malaysia dan juga ahli-ahli akademik antarabangsa bagi membentangkan kertas kerja dalam ICCA 2014.

Antara aktiviti utama semasa PSSA 2014 ialah Pelancaran Produk Aplikasi Infografik Sejarah Malaysia (ISM) iaitu produk usahasama bagi program National Blue Ocean Strategy (NBOS) antara UMK – MdeC - Arkib Negara Malaysia yang dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.





ENTREPRENEURIAL RESOURCE CENTRE (ERC) JADI RUJUKAN USAHAWAN

KEJAYAAN Universiti Malaysia Kelantan (UMK) membangunkan Pusat Sumber Keusahawanan atau dikenali sebagai Entrepreneurial Resource Centre (ERC) secara komprehensif kini mendapat perhatian seluruh negara dan dunia apabila menjadi rujukan penting khususnya dalam bidang pendidikan keusahawanan.

Ketua Pustakawan UMK, YBrs. En. Azman bin Hashim, berkata, sehingga kini, pihak Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu UMK sudah mengumpul lebih 50 koleksi penerbitan keusahawanan termasuk 526 beberapa koleksi jurnal penyelidikan serta koleksi kertas seminar daripada pelbagai tajuk.

Tambah beliau, buku dan bahan rujukan yang terdapat di Pusat Sumber Keusahawanan ini adalah daripada sumber bahan terpilih dan eksklusif yang tidak terdapat di mana-mana perpustakaan di negara ini serta dimiliki oleh universiti lain.

“Antara koleksi tersebut adalah buku bertajuk Frontier Of Entrepreneur Research yang diperolehi daripada Babson College yang merupakan koleksi peribadi sebuah institut keusahawanan tersohor di peringkat antarabangsa.

“Menerusi ERC ini, kita berjaya memiliki koleksi-koleksi yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Pelawat luar termasuk pelawat dari Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang lain kagum dengan koleksi keusahawanan yang kita ada sekarang,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Program Chief Librarian Talk Series II, 2014, yang dirasmikan oleh Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose, di Holiday Villa Hotel & Suites, Kota Bharu, Kelantan, pada 15 Jun 2014.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Roselina binti Ahmad Saufi, Timbalan Pengarah Pusat Permodalan Insan Bank Negara Malaysia, YBrs. En. Ghazali bin Mohamed Fadzil, Ketua



Pustakawan Universiti Sains Malaysia (USM), En. Mohd Pisol bin Ghazali dan Ketua Pustakawan Perdana Leadership Foundation, En. Azahar bin Mohd Noor.

Tambah En. Azman, usaha mengumpul bahan-bahan keusahawanan itu bermula sejak 2008, memandangkan UMK adalah sebuah universiti yang berteraskan keusahawanan.

Sementara itu, En. Azman memberitahu program Chief Librarian Talk Series II, sebenarnya adalah program perkongsian ilmu melalui ceramah yang disampaikan oleh Ketua-Ketua Pustakawan yang terdapat di negara ini bertujuan untuk memberi pendedahan tentang cabaran terkini dalam pengurusan perpustakaan dan pengurusan ilmu.

Beliau berkata, aktiviti utama program ini adalah Latihan Dalam Kumpulan (LDK) melibatkan mahasiswa bersama anak-anak penduduk kampung terutamanya di sekolah rendah membuat modul aktiviti yang disusun rapi bertujuan untuk memupuk amalan menabung di peringkat awal lagi.

Tambah beliau, program ini membabitkan tiga buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) utama di Kelantan yang bertujuan untuk memberi peluang kepada para mahasiswa untuk lebih mendekati masyarakat dan dapat memberi peluang kepada mahasiswa untuk menambah pengalaman yang ada.

Majlis perasmian penutup program telah disempurnakan oleh Ahli Dewan Majlis perasmian penutup program telah disempurnakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Gual Ipoh, YB. Mohd Bakri bin Mustapha dan Timbalan

Penasihat Kelab PRSUMK, Puan Masturah binti Mahmud berkata, Program Siswa Ke Desa : Amalan Menabung, 10 sen lama-lama menjadi 10 Ringgit mempunyai keistimewaan tersendiri di mana selain untuk mendekati mahasiswa dengan masyarakat, program ini juga menerapkan aktiviti amalan menabung dalam kalangan anak-anak peserta.



PENERBITAN HASIL PENYELIDIKAN & INOVASI UMK DIBERI NAFAS BAHARU



PARA penyelidik dan pensyarah Universiti Malaysia Kelantan (UMK) perlu memainkan peranan besar dalam menyebarkan ilmu pengetahuan mereka dengan menghasilkan bahan-bahan penerbitan ilmiah yang mudah dibaca serta difahami untuk menjadi rujukan kepada semua lapisan dan masyarakat sejagat.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Roselina binti Ahmad Saufi, berkata, UMK perlu mengambil tanggungjawab itu dengan memberi nafas baharu kepada buku-buku penerbitan yang menggunakan bahasa ilmu itu melalui bahasa yang lebih mudah difahami.

Beliau berkata, ini merupakan satu cabaran namun pendekatan ini harus diambil oleh para penyelidik dan pensyarah untuk menerbitkan hasil penyelidikan dan inovasi mereka kearah itu pada masa depan.

“Buku-buku ilmiah yang menggunakan bahasa yang mudah itu dapat membantu masyarakat dan pelajar-pelajar memahami hasil daripada kajian atau penyelidikan yang telah dihasilkan oleh mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Perasmian Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta, Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) di Dewan Terbuka Keusahawanan, UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, Kelantan, pada 27 Mei 2014.

Turut hadir, Dekan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), YBhg. Prof. Dr. Abu Hassan bin Hasbullah dan Pustakawan UMK, YBrs. En Hairuladzhar bin Mohd Hamdi

Dalam pada itu, Prof. Dr. Roselina berkata, sambutan program hari buku dan hakcipta ini merupakan platform dalam meningkatkan budaya membaca di kalangan masyarakat pada hari ini.

Tambah beliau, program ini juga diadakan bertujuan untuk perlindungan harta intelek melalui hakcipta bagi membimbing serta berkongsi pengetahuan berkenaan perlindungan hakcipta yang diterbitkan.

“Oleh demikian, program ini adalah penting bagi pensyarah dan penyelidik yang giat menerbitkan penulisan ilmiah untuk mendapatkan pendedahan tentang perlindungan harta intelek dan bagaimana proses-proses yang perlu dilalui untuk mendaftar hakcipta hasil penyelidikan dan inovasi mereka,” ujar beliau lagi.





Hari Keluarga UMK

Keluarga Ceria, UMK Berjaya

KETENANGAN pesisir Pantai Cahaya Bulan yang sememangnya terkenal sebagai destinasi peranginan di kalangan pelancong dengan hamparan pantai yang memutih sedikit terganggu dengan kehadiran lebih 500 warga Universiti Malaysia Kelantan (UMK) pada sambutan Hari Keluarga UMK, di Perdana Beach Resort, Kota Bharu, Kelantan, pada 7 Jun 2014.

Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose berkata, program Hari Keluarga UMK yang bertemakan Keluarga Ceria UMK Berjaya diadakan bertujuan untuk mengenali latar belakang staf dan keluarga mereka yang selama ini tidak pernah berhubung dan berpeluang mengenali antara satu sama lain.

Beliau berkata, program hari keluarga ini amat penting sekurang-kurangnya untuk mengetahui dan mengenali latar belakang keluarga staf dengan mewujudkan hubungan melalui semangat dan kefahaman melalui pelbagai aktiviti yang diadakan ini.

“Seperti kita maklum, UMK semakin hari semakin membesar serta mula beransur-ansur berubah daripada merangkak, bertatih dan berjalan perlahan-lahan. Hari ini kita mahu UMK turut bersama-sama berlari dengan semua universiti lain yang telah lama maju ke hadapan,” jelas beliau pada perasmian Hari Keluarga UMK 2014.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor UMK (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), YBhg. Prof. Abd. Aziz bin Ab. Latif, Pendaftar UMK, YBhg. Prof. Dr. Razli bin Che Razak, Bendahari UMK, YBrs. En. Mohd Yusri bin Awang dan Timbalan Pendaftar UMK selaku Pengerusi Program, YBrs. En. Zainal Abidin bin Ismail.

Dalam pada itu, Prof. Datuk Dr. Raduan berkata, pihak pengurusan tertinggi universiti sentiasa berusaha dan mengutamakan kebajikan staf dengan menyelesaikan beberapa isu penjawatan berkaitan perkhidmatan staf di UMK.

“Pihak pengurusan UMK juga sentiasa mencari jalan bagaimana untuk membangunkan universiti dan sentiasa mengharapkan sumbangan setiap warga UMK dalam membantu memajukan universiti,” katanya.

Pada program itu, pelbagai acara menarik diadakan seperti permainan boling kelapa acara rebut gula-gula bagi kanak-kanak, acara terompah gergasi bagi peserta dewasa dan bola tampar pantai.





PEMBANGUNAN PESAT UMK CAPAI SASARAN 2016

UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK), Kampus Bachok bakal berubah wajah apabila projek pembangunan fizikal berjumlah RM265 juta di kawasan 900 ekar di kawasan kampus induk itu dibangunkan dan siap dalam tempoh dua tahun.

Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose, berkata, projek pembangunan ini membabitkan pembinaan dewan besar (majlis konvokesyen), fakulti baharu, pusat Islam, perpustakaan dan bangunan Canselori serta kemudahan lain-lain.

Beliau memaklumkan, apabila siap kelak, UMK Kampus Bachok akan mempunyai kampus serba lengkap dengan kemudahan infrastruktur serta prasarana yang lebih indah dan ceria sebaik sahaja siap pada tahun 2016.

“Dalam konteks ini, kita harus menyedari kawasan UMK Bachok ini mempunyai kawasan yang sangat luas dan sekiranya warga UMK tidak menerokanya serta tidak datang menjejaki kaki ke sini, maka hanya sekumpulan kecil sahaja yang akan menghuni kawasan ini,” jelas beliau.

Beliau berkata demikian pada Program Jelajah Kampus Staf Siri 2 2014, anjuran Pusat Ko-Kurikulum dan Pejabat Pendaftar, di UMK Kampus Bachok, Tangok, Kelantan, pada 17 Mei 2014.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), YBhg. Prof. Abd. Aziz bin Ab. Latif, Pendaftar UMK, YBhg. Prof. Dr. Razli bin Che Razak dan Ketua Unit Ko-Kurikulum, YBrs. En. Mohammad Nizamuddin bin Abdul Rahim.

“ Program Jelajah Kampus Staf Siri 2, membabitkan seramai 265 staf akademik dan bukan akademik daripada UMK Kampus Pengkalan Chepa, Jeli dan Bachok perlu menamatkan cabaran sejauh 12.8 kilometer mengelilingi kampus UMK Bachok. ”

Menurut Prof. Datuk Dr. Raduan, program ini bertujuan untuk menanam rasa kecintaan kepada staf untuk mengenali dengan lebih dekat lagi tentang UMK Kampus Bachok sebagai kampus induk.

Tambah beliau, cabaran dalam program jelajah ini ialah bertujuan untuk memberi peluang kepada warga UMK menjelajah dan menakluki setiap inci bumi kampus Bachok walaupun terpaksa bersusah sedikit dan terpaksa mengharungi onak serta duri dalam cabaran ini.





PROSPEK UMK TINGKATKAN PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN KEPADA MASYARAKAT



MELENTUR buluh biarlah dari rebunginya. Menyedari kepentingan tersebut, kebanyakan daripada sekolah pada hari ini telah mula menfokuskan tentang ilmu pendidikan keusahawanan dan yang terbaharu ialah Program Cilik Usahawan yang telah dilancarkan, oleh Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK), YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose, di Sekolah Kebangsaan Tengku Mahmud, pada 24 Mei 2014.

Menurut Naib Canselor UMK Prof. Datuk Dr. Raduan Hj. Che Rose, program cilik usahawan ini adalah bertepatan dengan salah satu agenda oleh UMK yang merupakan sebuah universiti berteraskan keusahawanan.

Beliau berkata, program ini dapat memberi kesedaran dan pendedahan di peringkat awal tentang peluang perniagaan serta menceburi bidang keusahawanan dan seterusnya melahirkan generasi usahawan cilik.

“Pendidikan keusahawanan merupakan salah satu cabang ilmu pengetahuan yang perlu dipelajari sejak di peringkat bangku sekolah rendah dengan memberi peluang kepada murid sekolah berniaga dengan menghasilkan produk sendiri,” beliau berkata demikian pada majlis tersebut.”

Tambah beliau, program ini bertujuan membentuk sahsiah peribadi si cilik yang bercita-cita menjadi usahawan yang berjaya kelak dan mampu berdaya saing di antara mereka.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Putera, YB. Mohd Mahdi bin Musa, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Roselina binti Ahmad Saufi, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), YBhg. Prof. Abd. Aziz bin Ab. Latif dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), YBhg. Prof. Dr. Mohamad Kamal bin Harun.

Selain itu, ia juga bertujuan melatih mereka berfikir di luar kotak secara kreatif bagi mencapai kehendak mereka dalam menjadi seorang usahawan yang berjaya.

Pada program itu, lebih 35 buah sekolah di daerah Besut telah mengambil bahagian dengan memamerkan hasil produk kreativiti dan rekacipta masing-masing.

Setiap pasukan dikehendaki menyediakan produk yang mampu dijual iaitu mempunyai nilai komersil dan mendokumentasikan proses penghasilan produk masing-masing dalam bentuk *hardcopy*.

Dalam pada itu, selari dengan usaha tersebut, pihak UMK dan SK Tengku Mahmud turut melancarkan penubuhan Kelab Usahawan Sekolah sebagai pemangkin kepada pendidikan keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah.

“Buat masa kini masih belum banyak Kelab Usahawan ditubuhkan di peringkat sekolah rendah lagi,” katanya.



Komitmen yang diberikan oleh UMK dengan memilih Besut untuk lokasi Program Cilik Usahawan, satu-satunya yang pertama diadakan di Malaysia - YB. Mohd Mahdi

Prof. Datuk Dr. Raduan, berkata, program cilik usahawan ini akan diperluaskan ke seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak serta di peringkat negara-negara ASEAN.

YB. Mohd Mahdi, berkata, komitmen yang diberikan oleh UMK dengan memilih Besut untuk lokasi Program Cilik Usahawan yang satu-satunya yang pertama diadakan di Malaysia.

“Masyarakat di Besut perlu bangga kerana beruntung dibantu dengan mendapatkan ilmu pendidikan hasil daripada kerjasama UMK dan pihak SK Tengku Mahmud,

“Program ini boleh diteruskan setiap tahun kerana program ini memberi kesan kepada murid sekolah dan khususnya masyarakat setempat tentang pendidikan keusahawanan,” katanya.

Sementara itu, satu program penyerahan anak angkat anjuran Program Pembangunan Ekonomi Komuniti, UMK telah diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Payung, Besut.

Seramai 200 orang pelajar UMK yang terdiri daripada pelbagai fakulti telah diserahkan lebih 100 ibu atau bapa angkat mereka masing-masing yang terdiri daripada golongan usahawan di daerah Besut, Terengganu.

Prof. Datuk Dr. Raduan berkata, program ini secara tidak langsung, dapat memupuk minat dalam diri pelajar yang menjadi anak angkat untuk belajar tentang bagaimana menjadi usahawan yang berjaya serta mengambil contoh kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh keluarga angkat mereka.

Beliau berkata, pada program tersebut pelajar UMK diberi pendedahan mengikuti modul keusahawanan dan melihat kepada kecenderungan bidang keusahawanan masing-masing.

“Setiap pelajar akan membuat analisis dan soal selidik daripada pengusaha-pengusaha industri kecil yang menjadi keluarga angkat mereka,” jelas beliau.





Kunjungan Hormat Pengarah Bahagian Perancangan Strategik, Pejabat Perdana Menteri dan Wakil Bahagian Pembangunan Mahasiswa, JPT - 25 Mei 2014



Pertandingan Akhir Dikir Barat Piala Seman Wau Bulan - 18 Mei 2014



Malam Mesra Media & Pusat Hal Ehwal Korporat - 26 Mei 2014



Lawatan Naib Canselor ke UMK Kampus Jeli

MENAIKI tuk-tuk (pengangkutan awam popular di Thailand), melawat Masjid Grisek (masjid berusia lebih 100 tahun) dan belajar memasak juadah istimewa tom yam bersama masyarakat Islam di daerah Pattani ialah antara pengalaman berharga bagi 120 pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang menyertai Malay-Thai Mobility Programme Ke Prince Of Songkla University (PSU), Kampus Pattani, Thailand.

Program tiga hari yang bermula pada 11 hingga 14 April 2014 adalah anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), UMK dengan kerjasama erat daripada College of Islamic Studies (CIS), PSU, Kampus Pattani.



PROGRAM CROSS BORDER MALAYSIA - THAI




Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), YBhg. Prof. Abd. Aziz bin Ab. Latiff berkata, program ini adalah salah satu daripada program di bawah pengantarabangsaan universiti yang bertujuan memberi peluang kepada mahasiswa menimba pengalaman serta meningkatkan kefahaman mereka mengenai suasana pengajaran dan pembelajaran di luar negara.

Beliau berkata, pemilihan PSU Kampus Pattani yang terletak di daerah selatan Thailand ini kerana majoriti penduduknya beragama Islam boleh memberi pendedahan baharu kepada peserta terutamanya dalam pengamalan Islam, bahasa, juadah makanan dan seni budaya masyarakatnya.

Justeru itu, tambah beliau, hubungan erat yang sedia terjalin antara Malaysia – Thailand selama ini memberi peluang kepada kedua-dua universiti untuk mengadakan aktiviti dua hala seperti program-program komuniti, khidmat masyarakat, pertukaran pelajar dan staf dan program-program lain.

“Kebanyakan pelajar PSU Kampus Pattani terdiri daripada muslim dan mereka ini lebih banyak bercakap dalam dialek bahasa Pattani yang hampir sama dengan dialek Melayu-Kelantan tetapi pada masa yang sama fasih dalam berbahasa Thailand serta Bahasa Inggeris.





“Ini memberi kelebihan kepada pelajar kita untuk memahami dan mempelajari ketiga-tiga bahasa sekaligus. Ini adalah proses atau kaedah pembelajaran bahasa yang boleh berlaku dengan lebih cepat dan mudah semasa menyertai program tersebut,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian Malay-Thai Mobility Programme Ke Prince Of Songkla University (PSU) oleh Presiden PSU, Y.Bhg. Prof. Dr. Chusak Limsakul, di bangunan Kolej Pengajian Islam di PSU Kampus Pattani, pada 12 April 2014.

Turut hadir, Penasihat Rasmi Perdana Menteri Thailand, Y.Bhg. Prof. Dr. Kanok Wongtrangan, Naib Presiden Pembangunan Pelajar dan Kebudayaan, PSU Kampus Pattani, Prof. Madya Nifarid Raden Ahmad dan Pengarah Kolej Pengajian Islam, PSU Kampus Pattani, Dr. Yusof Talek.

Dalam pada itu, Prof. Abd. Aziz berkata, walaupun program ini membabitkan kos yang tinggi tetapi peserta dapat manfaat daripada impak besar yang diperolehi dalam program ini terutamanya dalam proses pembentukan pembangunan sahsiah dan jati diri pelajar.

Tambah beliau, program ini menjadikan pelajar kita lebih yakin dan terbuka serta berpengetahuan selaras dengan hasrat universiti untuk mengeluarkan graduan yang berkemahiran dan berpengetahuan dalam pelbagai aspek bukan sahaja akademia tetapi sahsiah diri bakti kepada masyarakat terutamanya penduduk di kampung-kampung di luar bandar selain menerapkan aktiviti menabung di kalangan generasi muda pada hari ini.

Justeru itu, pelbagai aktiviti dijalankan bagi mengisi program yang diadakan selama tiga hari itu seperti aktiviti LDK menabung, sukaneka, aktiviti masak makanan tradisional, gotong-royong dan sebagainya.



SERAMAI 51 kumpulan berentap pada Pertandingan Rancangan Perniagaan atau 'Business Plan Competition' anjuran Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) bagi memberi pendedahan tentang cabaran dan realiti sebenar dalam dunia perniagaan.

Pertandingan itu membabitkan 300 penyertaan pelajar tahun akhir, tahun dua dan tiga dari fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan dan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli telah mengambil bahagian dalam edisi kali ini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Abd. Aziz bin Ab. Latif berkata, program Business Start Up Competition bukan sahaja memberi pendedahan kepada pelajar dalam bidang keusahawanan malah dapat meningkatkan lagi kemahiran berkomunikasi, kerjasama berpasukan dan persaingan secara sihat dalam urusan perniagaan," katanya.

Beliau berkata, pertandingan ini lebih berorientasikan kepada pembelajaran melalui pengalaman dan merupakan satu inisiatif yang diperkenalkan oleh Universiti untuk mempromosikan dan memperkasakan atribut keusahawanan dalam diri para pelajar.

"Program sokongan pembelajaran ini mempunyai objektif dan matlamat untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang proses penyediaan rancangan perniagaan yang berkesan dan memberi peluang kepada pelajar untuk mempraktikkan ilmu keusahawanan yang dipelajari di bilik kuliah," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian penutup program tersebut di Dewan Terbuka Keusahawanan, UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, Kelantan, baru-baru ini.

Sebelum itu, sesi pembentangan pusingan akhir program UMK-Business Start-up Plan Competition membabitkan 15 kumpulan terbaik daripada 51 pasukan yang bertanding dalam pelbagai kategori.

PROGRAM BUSINESS PLAN **COMPETITION** PELUANG SISWA BERNIAGA



FAKULTI KEUSAHAWANAN & PERNIAGAAN

Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan
(Perdagangan) Dengan Kepujian

Ijazah Sarjana Sarjana Muda Keusahawanan
(Pelancongan) Dengan Kepujian

Ijazah Sarjana Sarjana Muda Keusahawanan
(Hospitaliti) Dengan Kepujian

Ijazah Sarjana Sarjana Muda Keusahawanan
(Keusahawanan Kesihatan) Dengan Kepujian

Ijazah Sarjana Sarjana Muda Keusahawanan
(Peruncitan) Dengan Kepujian

Ijazah Sarjana Sarjana Muda Keusahawanan
(Logistik dan Perniagaan Penedaran) Dengan Kepujian

Ijazah Sarjana Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan
(Perbankan dan Kewangan Islam) Dengan Kepujian



UMK PERINTIS INDUSTRI TEKNOLOGI KREATIF GLOBAL



DALAM usaha memanfaatkan perkembangan rancak sektor industri kreatif pada kurun ke 21 ini, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) selaku penggerak dan pemaju industri dan ekonomi kreatif di peringkat regional dan antarabangsa telah memeterai satu jalinan kerjasama strategik dengan sebuah institusi pengajian tinggi tersohor di Turki.

Kerjasama ini melibatkan kerjasama antara Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) dan Universiti Nevsehir Haci Bektas, Veli, Turki, iaitu sebuah universiti terkemuka di Turki yang memanfaatkan sektor industri kreatif untuk pembangunan dan kemajuan negara.

Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose berkata, kerjasama persefahaman ini meliputi program pertukaran tenaga akademik dan pelajar, kerjasama pendidikan serta biasiswa pengajian.

Beliau berkata, sebagai sebuah universiti baharu, UMK tidak melepaskan peluang untuk sentiasa menjalinkan kerjasama persefahaman yang boleh meluaskan dan mengembangkan lagi pembangunan akademik yang boleh memberi faedah kepada kemajuan universiti.

Tambah beliau, untuk permulaan dalam tempoh terdekat pihak UMK akan menghantar dua

pensyarah dan pelajar ke Turki untuk melanjutkan pengajian dengan tajaan biasiswa pengajian oleh Universiti Veli.

“Sebagai tawaran balas, pihak UMK akan menyediakan biasiswa untuk pengajian pelajar dan tenaga pengajar dari Universiti Turki yang mahu menyambung pengajian di UMK,” jelas beliau.

Beliau berkata demikian pada perasmian pelancaran program Creative Industries Hub Heritage Entrepreneur Network Malaysia (CNI.my-HIN.my) anjuran FTKW di Laman Monsun FTKW, UMK Bachok, Tangok, 30 April 2014



FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF & WARISAN

Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif dengan Keujian

- Tekstil Fesyen
- Reka Bentuk Komunikasi
- Seni Halus
- Reka Bentuk Perindustrian

Ijazah Sarjana Muda Siberologi dengan Keujian

- Animasi dan Ludologi
- Media Digital

Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Keujian

- Permuziuman dan Konservasi
- Kesusasteraan Hibrid





KELAB ECO-FRIENDLY ANJUR KUTIPAN DANA PULIH REFFLESIA

KELAB Eco-Friendly Club, Universiti Malaysia Kelantan telah menganjurkan Minggu Refflesia yang disertai seramai 40 pelajar daripada program Sains Gunaan Sumber Asli, Fakulti Sains Bumi.

Pengarah Projek, Encik Nathan Eddma Mauris berkata, program ini diadakan bertujuan untuk menggalakkan masyarakat dan pelancong mengetahui tentang kewujudan bunga kedua terbesar di dunia iaitu Refflesia kerrii yang terletak di Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang, Kelantan.

Beliau berkata, program ini bermula dengan taklimat dan ceramah oleh Pensyarah FSB, Encik Zulhazman bin Hamzah, kepada pelajar, di UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, Kelantan, pada 29 hingga 30 Mei.

"Seterusnya, aktiviti-aktiviti promosi dipergiatkan di sekitar kawasan kampus dengan menyebarkan risalah-risalah, poster dan sebagainya.

"Selain itu, ruang pameran khas yang menempatkan spesimen Refflesia kerrii yang dipelihara di bawah 95% etanol diadakan di Dewan Terbuka Keusahawanan," jelas beliau.

Tambah Nathan Edma, pihak kelab turut menyediakan pelajar dan pengunjung dengan maklumat yang tepat tentang Refflesia kerrii dan Lojing Highlands.

Kemuncak Minggu Refflesia ialah pihak berjaya mengumpul dana tabung pemuliharaan Refflesia Kerrii dengan mengadakan jualan butang dan poster Refflesia yang terdapat di Lojing Highlands.

Sementara itu, En. Zulhazman berkata, program ini juga telah diadakan di ruang legar Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, untuk memperkenalkan Bunga Refflesia Kerrii yang terdapat di Lojing Highlands, kepada pelancong-pelancong luar negara.

"Kawasan tanah tinggi Lojing berpotensi sebagai lokasi pelancongan sebagai salah satu lokasi yang perlu dilawati oleh pelancong kerana keunikan bunga terbesar di dunia ini.

"Sambutan yang diberikan oleh pelancong amat menggalakkan kerana ramai pelancong dari luar negara yang datang ke Kelantan," ujarnya.



FAKULTI SAINS BUMI

Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan
(Sains Sumber Asli) Dengan Kepujian

Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan
(Geosains) Dengan Kepujian

Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan
(Sains Kelestarian) Dengan Kepujian

Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan
(Teknologi Bahan) Dengan Kepujian

Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan
(Teknologi Sumber Hutan) Dengan Kepujian



LAWATAN FIAT KE INDUSTRI KONGSI PENGALAMAN

SERAMAI 40 orang penuntut program Teknologi Bioindustri, Fakulti Industri Asas Tani (FIAT) telah mengadakan lawatan industri ke kilang pengeluaran alkohol/etanol di Kilang Ferprou Sdn Bhd, di Kawasan Perindustrian Chuping, Perlis, baru-baru ini.

Pensyarah FIAT, En. Mohd Shaiful Azman bin Abdul Rahim, berkata, kilang Ferprou Sdn Bhd, merupakan peneraju pengeluaran etanol yang bermutu tinggi hasil daripada proses penapaian molases (sirap pekat yang berwarna coklat gelap yang terhasil daripada penapisan gula mentah) gula tebu menggunakan teknologi penyulingan termaju dari Amerika Syarikat.

Etanol yang dihasilkan digunakan dalam industri terutama berkaitan kosmetik, kelengkapan tandas, produk penjagaan peribadi, farmaseutikal, tonik kesihatan, perasa makanan, cat, dakwat, larutan pensterilan dan pencucian serta kegunaan industri elektronik dan lain-lain industri.

Melalui penerangan daripada pengurus kilang ini, etanol yang dihasilkan mendapat kelulusan halal daripada Jakim sejak tahun 2005. Merujuk kepada Buletin JAKIM 2009, halal di sini bermaksud halal dari segi penggunaan bukannya untuk minuman. Sebenarnya rata-rata umat Islam masih keliru sama ada arak dan alkohol itu dua perkara yang sama atau berbeza.

FERPRO Sdn Bhd



Katanya, lawatan industri ini merupakan sebahagian kerja kursus dalam subjek Bioproses dan Reka Bentuk Industri untuk mendedahkan penuntut kepada persekitaran industri di amping melihat operasi sebenar pada skala industri berbanding skala makmal di universiti.

“Antara bahan mentah utama yang digunakan dalam proses pembuatan etanol ialah molases gula tebu dan yis dibawah persekitaran dibawah kawalan suhu, tekanan dan kepekatan.

“Dalam taklimat itu, Yis ini akan menjalani proses penapaian alkohol dengan menggunakan molases sebagai substrat untuk menghasilkan etanol dan karbon dioksida sebagai hasil sampingan,” katanya.

Bahan mentah lain seperti air digunakan untuk mencairkan kandungan gula kepada 10 peratus untuk memberi suasana pertumbuhan yis yang optimum, mono ammonium fosfat untuk membekalkan nitrogen dan fosfat manakala urea adalah sumber nitrogen untuk pertumbuhan yis.



FAKULTI INDUSTRI ASAS TANI

Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan
(Keusahawanan Teknologi Pertanian)
Dengan Kepujian

Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan
(Teknologi Bioindustri) Dengan Kepujian

Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan
(Sains Peternakan) Dengan Kepujian

Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan
(Teknologi Pembangunan Produk)
Dengan Kepujian





FPV TERIMA ANUGERAH KHAS KUALITI NAIB CANSOLOR

FAKULTI PERUBATAN VETERINAR, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menempa sejarah baru apabila dinobatkan sebagai penerima Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) 2013, pada majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2013.

Timbalan Dekan FPV, YBhg. Prof. Prof. Madya Dr. Mohd Mokhtar bin Arshad berkata, pencapaian ini adalah hasil daripada atas sumbangan dan komitmen yang diberikan oleh semua staf fakulti.

Beliau berkata, kejayaan ini merupakan pengiktirafan yang diberikan oleh pihak universiti sejak FPV ditubuhkan pada Julai 2009.

"Kami juga bersyukur kerana ini adalah kejayaan pertama kami selepas fakulti ini bakal menerima pelajar bergraduasi pada Majlis Konvokesyen UMK, November nanti," katanya.

Beliau berkata demikian selepas ditemui selepas menerima anugerah AKNC 2013 yang disampaikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YBhg. Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, di UMK Kampus Kota, pada 22 Jun 2014.

Tambah Prof. Madya Dr. Mohd Mokhtar, kejayaan ini juga adalah hasil daripada kerja berpasukan daripada tenaga pengajar kami yang terus membangunkan peluang-peluang pembelajaran yang dinamik kepada mahasiswa.

"Selain itu, FPV juga turut melaksanakan khidmat sosial kepada masyarakat dengan memberikan perkhidmatan kesihatan haiwan yang terbaik kepada masyarakat di Klinik Veterinar UMK," jelas beliau.

Sementara itu, beliau meletakkan harapan tinggi supaya penubuhan FPV dapat memberi impak terhadap keselamatan makanan dan pembangunan industri ternakan.

"Ini adalah selaras dengan visi dan misi penubuhan FPV untuk memberi sumbangan dan perkhidmatan kepada masyarakat disamping menjayakan aktiviti keusahawanan," ujarnya.

AKNC dianugerahkan kepada Pusat Tanggungjawab yang menunjukkan kecemerlangan berdasarkan kepada beberapa kriteria yang memenuhi SKT dan KPI seperti yang ditetapkan.



FAKULTI PERUBATAN VETERINAR

Ijazah Sarjana Muda
Doktor Perubatan Veterinar





Campus DRAMA English Night

PUSAT Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PBI) menganjurkan Malam Drama Bahasa Inggeris Kampus (Campus English Drama Nights) pada setiap semester bagi menggalakkan penggunaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar.

Guru Bahasa PBI, YBr. En Andrew Nicholas William berkata, program ini telah dilaksanakan pada Januari 2010 di bawah program yang dinamakan “*Step Forward and Step Up*” (SFSU) dan berkembang sehingga kini.

Beliau berkata, pada program setiap pelajar semester perlu menulis skrip dan melakonkan 15 minit watak dalam drama hasil tulisan mereka, dimana ia merupakan sebahagian daripada aktiviti kursus Bahasa Inggeris mereka.

“Drama terbaik dalam setiap kumpulan dipilih untuk membuat persembahan pada Malam Drama Bahasa Inggeris Kampus (campus English Drama Nights),” katanya..

Tambah beliau, sebelum berlangsungnya pertandingan akhir drama para pelajar perlu menguruskan pelbagai aktiviti termasuk aktiviti pengiklanan, promosi, pengeluaran tiket, penjualan tiket, jemputan staf, logistik, pengurusan bahagian teknikal, penyusunan persembahan dan penyusunan pengacara majlis.

“Selain itu, para pelajar UMK diberi peluang untuk mengajar subjek Bahasa Inggeris kepada pelajar-pelajar sekolah rendah bagi mendedahkan mereka dengan kemahiran penggunaan bahasa Inggeris,” jelasnya.

Menurut Andrew, objektif program ini ialah menggalakkan semua pelajar UMK melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung dalam semua aktiviti Bahasa Inggeris agar mereka mendapat manfaat yang maksimum daripadanya.

Selain itu, memberi kesedaran kepada pelajar UMK bahawa Bahasa Inggeris bukanlah bahasa yang sukar dikuasai dengan mewujudkan budaya berbahasa Inggeris dalam kalangan warga UMK agar visi dan misi UMK sebagai sebuah Universiti yang berteraskan keusahawanan akan tercapai

Malam Drama Bahasa Inggeris telah berlangsung dari 22 hingga 24 April 2014, 25 hingga 27 April di Dewan Terbuka Keusahawanan, UMK Kampus Kota dan 28 dan 29 April di Dewan Terbuka Kampus Bachok.



PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH

KAMPUS KOTA

Fakulti Keusahawanan & Perniagaan

Ijazah Sarjana Keusahawanan & Kedoktoran Falsafah dalam bidang :

- Pengurusan
- Kewangan
- Perdagangan
- Perakaunan
- Peruncitan
- Pelancongan
- Hospitaliti
- Keusahawanan Kesihatan

Fakulti Perubatan Veterinar

Ijazah Sarjana Sains & Kedoktoran Falsafah dalam bidang :

- Patologi
- Nutrisi
- Anatomi
- Mikrobiologi
- Parasitologi
- Fisiologi

KAMPUS BACHOK

Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan

Ijazah Sarjana Seni & Kedoktoran Falsafah dalam bidang :

- Pengajian Warisan
- Tekstil dan Fesyen
- Rekabentuk Produk
- Multimedia
- Komunikasi Visual

Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah

Ijazah Sarjana Sastera & Kedoktoran Falsafah dalam bidang :

- Sejarah dan Peradaban
- Pembangunan dan Nilai Pendidikan
- Psikologi dan Organisasi Industri
- Keagamaan dan Kontemporari
- Kerja Sosial
- Komunikasi

KAMPUS JELI

Fakulti Industri Asas Tani

Ijazah Sarjana Sains & Kedoktoran Falsafah dalam bidang :

- Teknokeusahawanan Agro
- Teknologi Pembangunan Produk
- Teknologi Bio-Industri
- Bioteknologi Pertanian

Fakulti Sains Bumi

Ijazah Sarjana Sains & Kedoktoran Falsafah dalam bidang :

- Pengurusan Sumber Asli
- Sains Kelestarian
- Geosains





Entrepreneur Lunch Talk

BONGKAR KEJAYAAN USAHAWAN TEMPATAN



PERPUSTAKAAN Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) cawangan Kelantan melancarkan program *Entrepreneur Lunch Talk Inspiration Sharing : Bersama Tokoh Usahawan*.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMK, Prof. Madya Abdul Aziz bin Abdul Latif berkata, program bersiri yang bermula pada bulan ini akan menampilkan usahawan tempatan yang berjaya untuk berkongsi pengalaman mereka dengan warga universiti.

Beliau berkata, program itu adalah serampang dua mata yang bukan sahaja bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar dan pensyarah tentang realiti dunia keusahawanan bahkan memberi manfaat besar kepada usahawan sendiri yang berpeluang menggunakan segala kemudahan dan akses ilmu di menara gading.

"Kita tahu kebanyakan usahawan berjaya sebenarnya tidak mempunyai kelulusan tinggi tetapi mereka terjun dalam bidang ini dan berusaha keras berpandukan pengalaman dan keyakinan diri," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian pelancaran *Entrepreneur Lunch Talk: Inspiration Sharing Bersama Tokoh Usahawan* di Pusat Sumber Keusahawanan, Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu, UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, Kelantan, pada 18 Mei 2014.

Hadir sama, Pengarah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Y.Brs. En. Azran bin Deraman, Pengarah Malaysian Investment Development Authority (MIDA), Y.Brs. En. Ismadi bin Ismail, Pensyarah Kanan

Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Mohd Rafi bin Yaacob dan Pustakawan UMK, Y.Brs. En. Amirul Firdaus bin Zilah. Sementara itu, Prof. Abd. Aziz memaklumkan bahawa program *Entrepreneur Lunch Talk: Inspiration Sharing* bersama Usahawan Tokoh akan diadakan sebanyak tiga siri telah mendapat kerjasama baik daripada pihak MITI Wilayah Kelantan dan beberapa agensi berkaitan.

Beliau berkata, program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa UMK dalam dunia keusahawanan dengan memberikan gambaran yang positif kepada mahasiswa-mahasiswa UMK mengenai dunia keusahawanan yang mampu menarik minat mereka.

"Program ini melibatkan Usahawan Tokoh yang telah berjaya dalam perniagaan dan dijemput untuk berkongsi kejayaan mereka supaya mahasiswa UMK dapat menyelami dunia keusahawanan dengan lebih mendalam," ujarnya.

Beliau berkata, program ini diadakan tiga kali setahun dengan menjemput 20 usahawan yang berjaya seperti usahawan perkhidmatan (printing service), usahawan penternakan, usahawan batik dan songket.

"Objektif utamanya adalah untuk mewujudkan budaya keusahawanan dalam kalangan mahasiswa-mahasiswa UMK disamping meningkatkan tahap kesedaran mengenai dunia keusahawanan dalam kalangan mahasiswa-mahasiswa UMK.

"Selain itu, program ini juga dapat memberi pendedahan serba sedikit tentang ilmu perniagaan dan rahsia kejayaan usahawan dalam dunia keusahawanan bagi meningkatkan daya produktiviti dikalangan mahasiswa UMK," katanya.



UNIT Hal Ehwal Antarabangsa (UHA), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bercadang untuk menubuhkan sebuah organisasi atau kelab komuniti untuk staf dan pelajar-pelajar antarabangsa yang menyambung pengajian di negara ini terutamanya membabitkan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di kawasan wilayah pantai timur.

Ketua UHA, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Y.Bhg. Prof. Dr. Balakrishnan Parasuraman, berkata, kelab komuniti antarabangsa ini terdiri daripada gabungan empat universiti iaitu Universiti Malaysia Kelantan, (UMK), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat ini.

Katanya, penubuhannya adalah sebagai platform untuk meningkatkan hubungan di kalangan staf dan pelajar antarabangsa yang mengikuti pengajian di peringkat pra siswazah (ijazah sarjana muda) dan pascasiswah (sarjana, MBA dan Doktor Falsafah) dalam pelbagai jurusan.

"Ini adalah hasil daripada maklum balas dan testimoni yang dijalankan menunjukkan bahawa ramai pelajar antarabangsa memberi respon positif

terhadap program pengajian dan pembelajaran yang diketengahkan di universiti negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada Program International Week (I-Week) 2014 bertemakan *Celebrating Our Entrepreneurial-Society In A Connected World*, di Dewan Terbuka Keusahawanan, UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, Kelantan, pada 14 Mei 2014.

Hadir sama, Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Y.Bhg. Prof. Dr. Roselina binti Ahmad Saufi dan Pendaftar UMK, Y.Bhg. Prof. Dr. Razli bin Che Razak.

Menurut Prof. Dr. Balakrishnan, program I-Week adalah program pertama yang diadakan untuk meraikan staf pengurusan universiti dan pelajar-pelajar antarabangsa UMK daripada Iraq, Nigeria, Bangladesh, Uzbekistan, Myanmar, Kemboja, Pakistan, Indonesia, India, Thailand dan Somalia.

Beliau juga berharap, melalui program I-Week ini hubungan pelajar antarabangsa UMK yang kini berjumlah 67 orang dapat menjalinkan hubungan yang baik melalui aktiviti-aktiviti sosial, bersukan dan aktiviti keusahawanan.

INTERNATIONAL WEEK

PLATFORM PROMOSI PELAJAR ANTARABANGSA





MAGIC KREATIF & INOVATIF

LAHIR USAHAWAN



UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) menyambut baik usaha kerajaan menubuhkan Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC) sebagai *one stop centre* bagi pembangunan usahawan.

Pengarah GERIC, YBhg. Prof. Dr. Raja Suzana Binti Raja Kasim, berkata, UMK telah menjalinkan kerjasama dengan MaGIC iaitu di bawah Kementerian Kewangan menerusi program 1Malaysia Entrepreneur (1MET) yang telah di tubuhkan sejak 2013

Beliau berkata, sempena pelancaran MAGIC, UMK memperkenalkan 10 produk keusahawanan sosial yang diilhamkan daripada penjaan idea-idea pelajar UMK dengan kerjasama golongan belia yang terpinggir daripada luar bandar.

Jelas beliau, produk ini dipamerkan pada majlis pelancaran MAGIC oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB. Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak sempena lawatan Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama, di Cybejaya, pada 27 April 2014.

“Idea konsep produk ini adalah inspirasi bersama menggabungkan belia dalam masyarakat terpinggir di kawasan Pantai Timur Malaysia.” katanya

Proses penghasilan produk keusahawanan sosial ini daripada perbincangan dan program-program serta latihan di bawah bimbingan mentor yang telah dilakukan.

Menurut Prof. Dr. Raja Suzana, ini adalah sebahagian daripada proses pembelajaran

keusahawanan sosial dan membawa penjaan idea mereka ke dalam idea perniagaan yang produktif dan komersial.

“Sempena pameran itu, 10 projek keusahawanan sosial telah dipersembahkan dengan idea-idea perniagaan mereka kepada pengunjung.

“Produk sosial ini menyerlahkan lagi kepentingan inovasi sosial dan kesannya kepada masyarakat, alam sekitar dan nilai-nilai sosio-ekonomi,” jelas beliau.

Tambahnya, projek gabungan dengan penglibatan orang muda daripada komuniti terpinggir dalam kawasan Pantai Timur di Malaysia sememangnya menunjukkan pencapaian yang terbaik.

Sementara itu, YBhg. Prof. Datuk Dr. Razak bin Haji Omar berkata, penubuhan UMK Entrepreneur Institute (UMK-EI) ialah untuk mensasarkan untuk membangunkan usahawan muda yang cemerlang dan mampu menembusi pasaran antarabangsa.

Jelas beliau, pihak UMK berharap dapat menyediakan satu ekosistem yang lebih komprehensif dalam memajukan usahawan di kalangan mahasiswa yang lebih berdaya saing.

“Oleh demikian, UMK-EI sentiasa mendokong hasrat kerajaan melalui MaGIC untuk melahirkan lebih ramai usahawan muda yang mengutamakan kreativiti dan inovasi dalam bidang keusahawanan.



UNIVERSITI Malaysia Kelantan Entrepreneurship Institute (UMK-EI) dengan kerjasama UMK Business Ventures dan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) menganjurkan program wacana perniagaan 'X-Change Biz Talk Show' bagi mendekatkan masyarakat dengan usahawan terutamanya daripada 'Perusahaan Kecil dan Sederhana' dengan para pelajar untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan.

Ketua Pegawai Eksekutif UMK-EI, YBhg. Prof. Dato' Dr Abdul Razak bin Omar, berkata program ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman bersama usahawan tempatan, pelajar juga diberi peluang memberi pandangan atau kritikan bagi membantu menambah baik perniagaan.

Beliau berkata, program ini merupakan satu landasan yang membolehkan pelajar dan ahli akademik berkongsi pengalaman dan bertukar fikiran serta berbincang dengan usahawan tempatan.

"Program ini mampu memberi impak yang besar kepada peserta yang terlibat bagi membudayakan perkongsian ilmu dan pengalaman serta jatuh bangun usahawan," katanya.

"Pada program wacana ini, mahasiswa diminta memberi kerjasama dengan usahawan tempatan dan mereka membentangkan cadangan perniagaan kepada para mahasiswa UMK, usahawan, pelabur-pelabur dan masyarakat tempatan," ujarnya.

Menurut beliau, usahawan dan bakal usahawan yang hadir digalakkan untuk memberi pandangan atau kritikan bagaimana untuk membantu menambah baik perniagaan tersebut.

Kata beliau, sementara pelabur yang tertarik dengan pembentangan perniagaan tersebut boleh menawarkan diri untuk membantu menambah pelaburan bagi pengembangan perniagaan sekiranya mendapat persetujuan bersama.



X-CHANGE BIZ TALK SHOW MEDAN WACANA NIAGA



"Melalui, program ini beberapa elemen inovasi dalam perniagaan dapat diketengahkan contohnya satu kaedah baharu dalam perniagaan iaitu Business On Wheels (perniagaan beroda) yang diperkenalkan kepada peserta.

"Oleh demikian, program ini adalah sebagai satu langkah ke hadapan dalam membantu usahawan Malaysia dan berupaya memberi impak besar kepada peserta terlibat bagi membudayakan perkongsian ilmu dan pengalaman jatuh bangun usahawan dalam menjayakan perniagaan mereka," katanya.

Dalam pada itu, Prof. Dato' Dr. Razak berkata, melalui program ini juga terdapat *knowledge transfer* di antara pensyarah dengan usahawan di mana para pensyarah dapat memberi input dalam bidang-bidang kepakaran masing-masing.

"Pada masa yang sama, peserta juga dapat menimba pengalaman daripada usahawan yang terlibat. Melalui program ini juga mampu memberi impak positif dalam bidang keusahawanan dan melonjakkan nama UMK di peringkat kebangsaan dan persada antarabangsa sebagai sebuah universiti berteraskan keusahawanan," jelas beliau.

UMK Membangunkan Sistem PEMBELAJARAN E-LEARNING

UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) berusaha untuk membangunkan kaedah pembelajaran secara digital atau E-Learning bagi sistem pembelajaran yang konvensional kepada sistem yang lebih berkesan dan terkini.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Roselina binti Ahmad Saufi berkata, kaedah pembelajaran ini telah dibangunkan dengan mendapat kerjasama daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

“Program pembangunan ini seperti menyediakan pembelajaran atas talian berdasarkan garis panduan yang disediakan dalam menyediakan alternatif kepada pensyarah untuk menyediakan sumber pembelajaran.

Beliau berkata demikian pada Mesyuarat Ketua-Ketua Pusat Pengajaran dan Pembelajaran Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) (MAGNETIC) Kali ke 2/2014, Bilik Mesyuarat Keusahawanan Maybank, UMK Kampus Kota Pengkalan Chepa, Kelantan, baru-baru ini.

Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh kesemua 20 universiti awam untuk membincangkan isu-isu berkaitan Pengajaran dan Pembelajaran di IPTA.

Sementara itu, Ketua Unit Pengajaran, Pembelajaran Dan Pendidikan Keusahawanan, YBhg. Dr. Mohd Nazri bin Muhayiddin berkata, mesyuarat MAGNETIC diadakan bagi menyediakan wadah untuk perbincangan dasar, isu dan perkara berbangkit dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P).

Tambah beliau, mesyuarat selama dua hari itu juga bertujuan untuk mewujudkan perkongsian amalan terbaik P&P secara pintar dan strategik antara IPT dalam dan luar negara.

“Selain itu, perbincangan lain seperti mendapat pakar dan rujukan dalam P&P di IPT untuk membangunkan komuniti pembelajaran bagi meningkatkan kualiti profesionalisme pensyarah secara berterusan.

“Pada masa yang sama, mesyuarat MAGNETIC adalah memastikan penambahbaikan berterusan dalam P&P melalui perkongsian pintar dan strategik, untuk menggalakkan pembangunan komuniti pembelajaran dan meningkatkan budaya keserjanaan,” katanya.



FINISHING SCHOOL: SHINE YOUR CAREER 2014 BANTU SISWA UMK

TANPA persediaan minda dan fizikal yang rapi ramai graduan yang kecundang dalam temuduga untuk mendapatkan pekerjaan selepas tamat pengajian di Institusi Pengajian Tinggi walaupun mendapat keputusan cemerlang dan CGPA yang baik.

Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Universiti Malaysia Kelantan (UMK), YBhg. Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad berkata, persediaan minda dan fizikal merupakan dua perkara utama yang perlu dititikberatkan dalam diri setiap pelajar sebaik sahaja melangkah keluar daripada universiti.

Beliau berkata, dalam aspek persediaan minda, mahasiswa perlu memperolehi pengalaman dalam kepimpinan di peringkat universiti dengan melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum.


Selain itu, tambah beliau, setiap mahasiswa juga harus yakin pada diri sendiri dan percaya bahawa mereka akan memperolehi kejayaan pada masa akan datang kerana setiap perkara yang kita fikirkan merupakan suatu kejayaan yang kita akan perolehi.

“Bagi persediaan fizikal pula, mahasiswa perlu mengetahui bagaimana untuk menjaga keanggunan fizikal dan keanggunan sosial dalam setiap diri individu kerana keanggunan fizikal merupakan sebahagian daripada sahsiah dan penampilan diri yang menyerlahkan lagi karekter diri seseorang,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ceramah bertajuk “How to Market Yourself and Enhance Your Self Esteem”, sempena Program Finishing School: Shine Your Career 2014, anjuran Unit Kaunseling, Kerjaya dan Alumni baru-baru ini.

Program yang diadakan selama tiga hari itu membabitkan seramai 426 pelajar tahun tiga daripada ketiga-tiga kampus iaitu UMK Kampus Kota, Jeli dan Bachok yang berlangsung pada 23 hingga 26 Mei 2014.

Menurut Prof. Dr. Nik Maheran, dalam menjaga keanggunan fizikal, mahasiswa juga perlu mengetahui cara untuk berpakaian yang sesuai dengan gaya, diri, raut wajah dan perawakan. Raut wajah pula akan terpancar daripada apa yang bermain di minda seseorang.





Terapkan Minat Sains Matematik

UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) sentiasa menjalinkan kerjasama rapat dengan rakan-rakan industri di negara ini untuk membantu meningkatkan pemahaman dan minat pelajar-pelajar sekolah menengah kepada sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Y.Bhg. Prof. Dr. Mohamad Kamal bin Hj. Harun, berkata, ini merupakan satu pendekatan baharu UMK dan pihak industri untuk menerapkan program minat Sains dan Matematik dengan memberi fokus kepada pelajar-pelajar sekolah.

Beliau berkata, program sains dan matematik amat mustahak bagi pembangunan negara, maka penting UMK berkerjasama dengan pihak industri seperti Agilent Technologies, MDeC dan Dream Cacther untuk terlibat menjayakan program tersebut.

“Oleh itu, UMK melalui Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) memainkan peranan penting bersama-sama rakan industri bekerjasama bagi menanam minat para

pelajar luar bandar dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelepasan ‘Flag-Off’ konvoi kenderaan sempena Program Sains On Wheels Edisi Kelantan 2014, di UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, Kelantan, pada baru-baru ini.

Hadir sama Pengarah InsPeK, Y.Bhg. Prof. Rosdi bin Ab. Rahman, Pengarah Bahagian Talent MDeC, Y.Brs. En. Nik Naharudin bin Mohd Nasir dan wakil Dream Catcher, Y.Brs. Dr. Poh Jin Hor.

Menurut Prof. Dr. Mohamad Kamal, program kerjasama ini dibuat berikutan terdapat satu laporan baru-baru ini yang mendedahkan isu kemerosotan minat pelajar dalam bidang sains dan matematik pelajar Malaysia dalam dua subjek ini.

Tambah beliau, justeru itu kita mengambil inisiatif untuk memberi gambaran kepada pelajar-pelajar sekolah tentang apa yang boleh dilakukan oleh sains dalam kehidupan seharian.



SERAMAI 200 anak-anak peserta Agro politan, Rantau Manis, Gua Musang, Kelantan, menyertai Program Kem Power ECER, yang diadakan bagi membina jati diri serta semangat para pelajar untuk lebih berkeyakinan untuk cemerlang dalam akademik dan sahsiah.

Program ini telah dirasmikan oleh Pengarah Institut Pengurusan & Penyelidikan Kemiskinan UMK, Y.Bhg. Prof. Rosdi Ab Rahman di Putera Valley Resort, Tanah Merah, Kelantan, pada 3 Jun 2014. Beliau berkata, program anjuran Institut Penyelidikan Kemiskinan UMK (INSPEK), dengan kerjasama ECERDC dan

KESEDAR juga bertujuan untuk meningkatkan semangat kerjasama dalam kumpulan, memupuk rasa tanggungjawab dan disiplin dalam diri peserta dan mendedahkan pelajar tentang cabaran dunia luar.

“Pelajar yang bakal menduduki peperiksaan perlu melibatkan diri dalam program kecemerlangan akademik serta motivasi untuk membantu meningkat prestasi mereka,” jelas beliau selaku Ketua Unit Kecemerlangan ECER Kementerian Pengajian Tinggi UMK. Program Kem Power ECER ini turut mendapat kerjasama daripada KESEDAR.

UMK EXECUTIVE LOUNGE CLUB

Come to the best executive lounge
in Kota Bharu Airport. Where you
can enjoy great and Unique
Kelantanese Malay dishes and feel
the atmosphere decor featuring;

**"The Kelantan
Authentic Heritage"**

50% OFF

Relevant * Unique * Different

Tel : +609 771 7010 / 7011 Fax : +609 771 7022

BEST PRICE

~~normal price RM30/ENTRY~~

RM15⁰⁰

Find us
Departure Hall,
Sultan Ismail Petra Airport,
Pengkalan Chepa, 16100
Kota Bharu Kelantan Darul Naim,
Malaysia

UMK Executive Lounge offers a quiet and comfortable place to escape from the crowds of the busy departure hall. Whether you are travelling for business or pleasure, our luxury lounges programme will have everything you need to relax before your next trip. Some benefits of airport lounges are outlined below.

- * Space, comfort and quiet to catch up on work,
- * Wi-Fi
- * Entertainment Facilities
- * Complimentary drinks and snacks
- * You can take a quest in to a lounge with you
- * Get 20% for any items sell in the lounge
- * Meet and greet package the service